

ROHINGYA: KE MANA MEREKA HARUS PERGI?

Oleh DR. MOHD. HAZMI MOHD. RUSLI

BARU-BARU ini, isu pelarian Rohingya sekali lagi menjengah arena liputan berita antarabangsa. Dalam ikhtiar terdesak untuk meneruskan kehidupan, pelarian Rohingya ini meninggalkan kampung halaman beratus-ratus kilometer jauhnya, bersesak di dalam ruang bot yang sempit dan usang dengan sedikit atau tiada makanan dan air minuman.

Bot-bot ini ada yang tersadai di perairan Thailand, ada yang hanyut ke Malaysia dan selainnya ke Indonesia. Terperangkap di lautan, dimamah kesengsaraan, ke manakah mereka harus pergi?

Rohingya adalah penduduk Muslim di wilayah Rakhine di barat laut Myanmar, bersempadan dengan Bangladesh, yang amat berbeza dari segi etnik, budaya dan bahasa dengan suku etnik lain Myanmar. Walaupun ada menyatakan Rohingya kaum asli di wilayah Rakhine, banyak ilmuwan sejarah menolak fakta ini dan berpendapat mereka ialah kaum pendatang dari Bengal dan menetap di Rakhine sebagai pedagang seawal kurun ke-15. Rohingya tiba di Myanmar beramai-ramai sewaktu zaman penjajahan British pada kurun ke-19 sebagai buruh murah. Migrasi ini berakhir setelah Myanmar mencapai kemerdekaan pada 1948.

Terdapat kira-kira dua juta orang Rohingya di seluruh dunia, majoritinya tinggal di Myanmar. Sebanyak 735,000 orang di Myanmar menetap di pekan-pekan utara Rakhine yang membentuk 90% daripada keseluruhan populasi di wilayah itu tetapi kurang daripada 2% di seluruh Myanmar setakat 2013.

Dalam erti kata lain, mereka kaum majoriti dan juga kaum minoriti di Myanmar pada masa yang sama.

Di Malaysia kini terdapat kira-kira 40,000 orang Rohingya. Media antarabangsa dan pertubuhan hak asasi manusia melabelkan Rohingya sebagai 'antara yang tidak diinginkan di dunia' dan 'salah satu kaum minoriti yang paling ditindas di dunia'.

Mereka dinafikan hak kerakyatan Myanmar secara rasmi setelah Undang-undang Kerakyatan 1982 dikuatkuasakan di negara tersebut. Mereka tidak dibenarkan bergerak di luar kawasan tanpa kebenaran rasmi dan sebelum ini diwajibkan menandatangani komitmen tidak mempunyai lebih daripada dua anak. Peraturan ini namun tidak dilaksanakan secara ketat.

Akibat penindasan ini, ramai yang melarikan diri ke kawasan setinggian dan khemah pelarian di Bangladesh dan sepanjang perbatasan Thailand-Myanmar. Mereka juga mengembara ke Malaysia dan Indonesia bagi mendapatkan perlindungan. Orang Rohingya sekali lagi mendapat perhatian antarabangsa setelah meletusnya Rusuhan Negeri Rakhine pada 2012, yang



WANITA pelarian Rohingya yang diselamatkan tentera laut Indonesia menangis setelah berpeluang bercakap menerusi telefon bimbit dengan keluarganya yang berada di Malaysia di kawasan penempatan sementara di Kuala Langsa, Aceh pada 16 Mei lalu. - REUTERS

mengakibatkan 78 orang terbunuh, 87 tercedera dan 140,000 orang lagi hilang tempat tinggal.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ada memulakan inisiatif untuk membawa pulang orang Rohingya ke Rakhine. Tetapi, kebanyakan pelarian Rohingya di Bangladesh tidak berupaya pulang akibat Rusuhan Negeri Rakhine 2012 dan bimbang penindasan yang menanti. Kerajaan Bangladesh di Dhaka juga telah mengurangkan sokongan kepada pelarian Rohingya untuk menghentikan banjirannya mereka ke negara itu.

Beribu-ribu pelarian Rohingya juga melarikan diri ke Thailand dan Malaysia. Namun wujud dakwaan bahawa mereka yang ditangkap oleh pihak tentera Thai dipukul malah ada yang ditinggalkan di tengah-tengah laut. Sekitar 2009 hingga 2014, ramai orang Rohingya yang diseludup masuk ke Malaysia menerusi sindiket pemerdagangan manusia.

Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (IOM) menganggarkan kira-kira 6000 sehingga 8000 orang Rohingya menempuh badai di tengah laut sejak Mac 2015 dan berlegar tanpa tujuan jelas di pesisiran pantai Thailand, Indonesia dan Malaysia.

Hanya beberapa bot sahaja yang berjaya mencecah pantai termasuk yang berlabuh di Langkawi awal Mei 2015 membawa 1,158 pelarian. Pada awalnya, pihak berkuasa Malaysia, Thailand dan Indonesia tidak berhasrat 'menerima' mereka, tetapi akhirnya bersedia memberikan bantuan makanan dan minuman atas dasar kemanusiaan.

Pada 21 Mei lalu, pihak berkuasa Malaysia dan Indonesia bersetuju memberi perlindungan sementara kepada pelarian ini dengan syarat mereka akan ditempatkan semula ke tempat lain dalam masa setahun.

Undang-undang antarabangsa menggariskan bahawa semua kapal

asing dibenarkan memasuki wilayah kelautan negara lain asalkan melaksanakan hak lintas damai (*innocent passage*) seperti yang termaktub di dalam Konvensyen PBB Mengenai Undang-undang Laut 1982 (LOSC).

Artikel 19 (1) LOSC mentakrifkan bahawa lintas damai akan berlaku apabila sesebuah kapal belayar ke sesebuah destinasi pelabuhan merentasi wilayah laut sesebuah negara dengan tidak mengganggu-gugat keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara pesisir. Sekiranya kapal tersebut tidak melaksanakan hak lintas transit, kapal tersebut boleh diusir keluar dari wilayah laut sesebuah negara.

Bot-bot pelarian ini secara jelas tidak melaksanakan hak lintas damai kerana dijumpai terapung, bukan mempraktikkan hak pelayaran dengan destinasi tujuan. Oleh itu, pihak berkuasa Malaysia, Thai dan Indonesia berhak menafikan kemasukan kapal atau bot-bot ini atas dasar menjaga kesejahteraan dan keselamatan negara.

Lagipun Malaysia bukanlah negara yang telah meratifikasi Konvensyen PBB Berkaitan Status Pelarian (CRSR) 1951 dan Protokol 1967 - lantas secara langsung tidak terikat dengan keperluan CRSR, iaitu untuk menampung 'semua pelarian tidak bersalah' dan juga untuk mematuhi prinsip *non-refoulement*, atau dalam erti kata lain, tidak menghalang untuk memulangkan pelarian ini ke negara asal mereka.

Namun terdapat pernyataan bahawa prinsip *non-refoulement* ini telah mencapai status undang-undang adat antarabangsa dan terpakai untuk semua negara. Tetapi, pernyataan ini bukanlah mutlak kerana masih tertakluk kepada beberapa pertikaian perundangan yang boleh didebatkan.

Berdasarkan fakta-fakta ini, tidak terlalu keterlaluan untuk

mengatakan Malaysia tidak melanggar undang-undang antarabangsa apabila menafikan hak pelarian Rohingya untuk masuk ke negara ini. Ini dilakukan demi menjaga kesejahteraan negara antaranya daripada masalah sosial dan kesihatan.

Malaysia juga tidak patut dikecam kerana telah pun melindungi 40,000 pelarian Rohingya sedia ada serta terus menerima lagi pelarian baru seperti yang berlaku sekarang. Negara Kesatuan Eropah (EU) seperti Britain, Perancis, Sepanyol dan Itali juga menerima dan membantu pelarian Afrika Utara untuk beberapa ketika. Namun ekoran banjirannya pendatang dari Afrika Utara, EU mula menimbang untuk memperketatkan kemasukan migran bagi melindungi kepentingan mereka. Jika negara EU yang berpendapatan tinggi dan berkemampuan pun telah mula menyekat kedatangan imigran, apa lagi yang dunia harapkan dari Malaysia, Indonesia dan Thailand?

Penindasan terhadap etnik Rohingya adalah bencana kemanusiaan yang paling buruk pernah melanda rantau ASEAN, setara dengan pembunuhan beramai-ramai rakyat Kemboja oleh rejim Pol Pot, tunjuk perasaan menuntut kemerdekaan di Timor-Timur (kini Timor-Leste) dan Perang Vietnam. Nasib orang Rohingya diburukkan lagi dengan status mereka yang tidak bernegara.

Persoalannya adakah mereka bukan rakyat negara ASEAN? Dan adakah mereka tidak layak dibela oleh anggota ASEAN? Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2015 harus memulakan perbincangan dengan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) bagi menyelesaikan kemelut Rohingya ini. Suatu skim 'negara angkat' boleh direka bagi menempatkan pelarian ini, dan sebagai timbal balas mungkin pelarian Rohingya ini boleh menjadi sumber buruh murah kepada negara hos. Pelaksanaan skim ini bagaimanapun harus disela dengan rapi oleh pertubuhan hak asasi manusia bagi mengelak unsur perhambaan bentuk baru di zaman moden ini.

Persoalan sama ada pelarian ini kemudiannya layak memohon status penduduk tetap atau memohon kerakyatan di negara angkat ini tertakluk kepada budi bicara negara hos.

Mustahil bagi OIC mencontohi cara British mencipta negara Israel bagi menempatkan orang Yahudi yang tidak bernegara hampir satu abad lalu kerana ini melibatkan soal kedaulatan - tiada negara yang mahu kehilangan sebarang wilayahnya, hatta pulau kecil sekalipun.

ASEAN, OIC dan komuniti dunia haruslah bekerjasama bagi memastikan musibah kemanusiaan yang melanda kaum Rohingya ini tidak terus berlanjutan.

PENULIS ialah profesor pelawat di Sekolah Undang-undang, Far Eastern Federal University, Vladivostok, Rusia dan Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.